

13 NOV 1997

## NEGARA TENGGARA DISARAN SALING BANTU MEMBANTU

Oleh: Tan Hock Guan

SINGAPURA, 13 Nov (Bernama) -- Negara Tenggara Asia disarankan supaya saling bantu membantu dalam usaha menghalang krisis kewangan berlaku lagi daripada menubuhkan kemudahan pembiayaan.

Pengarah urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Michel Camdessus memberitahu persidangan berita di sini hari ini bahawa kaedah pengawasan serantau akan lebih berkesan dalam melengkap langkah-langkah yang sedia ada yang lain seperti tabung penyelamat dari IMF.

"Dengan pengawasan serantau, apabila anda melihat sesuatu yang membimbangkan yang berlaku dalam sesebuah negara, maka anda boleh menyuarakan perkara itu sebelum ia menjadi masalah besar," tambahnya.

"Apa yang ketinggalan di rantau ini ialah bukannya pembiayaan tetapi pengawasan serantau untuk memperhebatkan pengawasan IMF."

Katanya dengan menanamkan semangat setia kawan, negara-negara jiran bolehlah menggalak serta mengenakan tekanan di kalangan sesama sendiri.

Katanya negara-negara mungkin secara berkumpulan berpuas hati dan negara-negara di Tenggara Asia telah menjadi berpuas hati sejak awal tahun 90-an.

Camdessus yang singgah di Singapura dalam rangka lawatannya ke Tenggara Asia, menentang penubuhan kemudahan pembiayaan di luar bidang IMF kerana ini mungkin melemahkan penyelesaian untuk mengekalkan disiplin dalam melaksanakan program perubahan ekonomi.

Ketua IMF itu yang tiba dari Jakarta, singgahan pertamanya di rantau ini, akan juga melawat Kuala Lumpur dan Bangkok.

Filipina, Thailand dan Indonesia yang dilanda kegawatan mata wang kini mendapatkan pakej penyelamat dari IMF.

Camdessus juga berkata IMF akan berkongsi penemuan awal mengenai pengaliran mata wang apabila beliau sekali lagi melawat Kuala Lumpur pada Disember ini untuk menghadiri mesyuarat dengan para menteri kewangan Asia Pasifik.

Beliau menambah bahawa IMF sedang menjalankan kajiannya terhadap urusan niaga mata wang.

"IMF sedang membuat kajian tentang apa yang sebenarnya berlaku dan mengkaji jika ada perkara yang menunjukkan sesuatu tidak kena," kata Camdessus.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini telah menggesa supaya urusan niaga mata wang dikawal selia berikutan kegawatan mata wang yang melanda rantau ini dan kemudian merebak ke seluruh dunia. -- BERNAMA

THG MA